



14 DEC, 2022

Sasar tarik lebih banyak syarikat pemula niaga asing



Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Sasar tarik lebih banyak syarikat pemula niaga asing

KUALA LUMPUR: Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) menasarkan untuk menarik lebih banyak syarikat pemula niaga asing ke negara ini menerusi inisiatif rakan dana pada masa depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Shahril Hasan Aziz berkata, MAVCAP bertindak mempermudah kemasukan dua firma modal teroka global (VC) ke Asia Tenggara menerusi Malaysia selain menyokong tiga firma serantau di negara ini sejak penubuhan pada 2001.

"Kami mahukan pergerakan tenaga kerja dan orang ramai dalam memastikan kepelbagaian ekosistem syarikat permulaan tempatan tersedia apabila lebih banyak syarikat sedemikian masuk ke Malaysia," katanya kepada pemberita pada sesi perbincangan pertama MAVCAP dengan penggiat industri di sini, semalam.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, MAVCAP diperuntukkan sekitar RM400 juta dalam tempoh lima tahun bagi menyokong lebih 40 syarikat pemula niaga dan menyokong sembilan syari-

kat melalui pembiayaan rakan dana.

"MAVCAP mempunyai mandat jelas mengenai (kaedah) pembahagian dana yang disalurkan oleh kerajaan dan keutamaan kami adalah dana pembangunan serta dana komersial. Kami perlu memastikannya agar dapat mengimbangi peruntukan dana," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Pelaburan Paramjit Singh Gill mengunjurkan bahawa data besar, web3 dan pelaburan dipacu oleh data akan menjadi pengubah sektor pada tahun-tahun mendatang selain perniagaan teknologi sedia ada berikutan peningkatan penggunaan digital yang ketara sejak pandemik Covid-19.

Sehubungan itu, MAVCAP positif mengenai pembangunan ekosistem VC Malaysia di bawah kerjasama awam-swasta, baik di dalam atau luar negara melalui pelaburan selain memperjuangkan usahawan teknologi tempatan pada skala global biarpun dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi global pada tahun depan. — Bernama



14 DEC, 2022

Sasar tarik lebih banyak syarikat pemula niaga asing



Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) menyasarkan untuk menarik lebih banyak syarikat pemula niaga asing ke negara ini menerusi inisiatif rakan dana pada masa depan. Ketua Pegawai Eksekutif Shahril Hasan Aziz berkata, MAVCAP bertindak mempermudah kemasukan dua firma modal teroka global (VC) ke Asia Tenggara menerusi Malaysia selain menyokong tiga firma serantau di negara ini sejak penubuhan pada 2001.